

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (FORUM)

TARIKH: 04 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 17

Tuntut keadilan untuk Adib

SAUDARA PENGARANG,

SAYA menyambut baik keputusan Mahkamah Koroner Shah Alam, Selangor, baru-baru ini bahawa punca kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kassim adalah disebabkan impak perbuatan jenayah oleh dua atau lebih orang tidak dikenali.

Keputusan itu membuktikan memang wujud unsur-unsur jenayah dalam kes kematian Allahyarham dan bukan disebabkan kecederaan akibat dilanggar kereta bomba dan sebagainya seperti didakwa sesetengah pihak.

Susulan keputusan ini, pihak polis hendaklah bertindak dengan segera untuk mengheret mereka yang bertanggungjawab dengan kematian Muhammad Adib ke mahkamah.

Kes ini sudah berlarutan terlalu lama dan sebelum ini ramai telah ditangkap dan selepas itu dibebaskan tanpa dakwaan. Ini menimbulkan tanda tanya dalam kalangan masyarakat mengenai siapakah yang sebenarnya bersalah?

Saya turut berharap kepemimpinan dan pegawai kanan kerajaan yang telah memutuskan lebih awal bahawa anggota bomba itu tidak dibunuh yang jelas



KERATAN Utusan Malaysia 28 September 2019.

mendahului prosiding inkuies dan seakan-akan ingin mempengaruhi perjalanan kes berkenaan meletakkan jawatan masing-masing. Tindak-tanduk sedemikian telah memberi bayangan bahawa mereka tidak layak untuk memegang jawatan penting.

Pihak polis juga didesak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang selama ini cuba untuk melindungi pihak-pihak mendalangi kematian arwah serta meniuap api kebencian antara kaum.

Mereka perlu dikenakan hukuman setimpal kerana menimbulkan huru-hara dalam kalangan rakyat akibat kenyataan-kenyataan bersifat menghasut. Golongan seperti ini perlu diberi pengajaran sewajarnya kerana apa yang berlaku hari ini tidak sepatutnya berulang lagi pada masa akan datang.

Pada masa sama, kepemimpinan kerajaan yang bertanggungjawab terhadap portfolio melibatkan perpaduan negara perlu bertanggungjawab sepenuhnya susulan kegagalan mereka memainkan peranan sewajarnya dalam meredakan api perkauman yang ditiup sepanjang kes ini berlaku.

Rakyat berhak mempertikaikan kewibawaan pihak-pihak berkenaan kerana tidak melaksanakan amanah yang diberikan dengan baik dan ikhlas.

HAMBA ALLAH
Kuala Lumpur